

21 APR 1996

Mustapa - Mara

LAPORAN AKHIR JAWATANKUASA AUDIT KEWANGAN MARA SEDANG DIPERKEMAS

PEKAN, 21 April (Bernama) -- Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed berkata beliau telah menerima laporan awal daripada Jawatankuasa Khas yang mengaudit pengurusan dan kewangan MARA.

Menurut beliau, laporan akhir akan diterima dalam tempoh seminggu setelah beberapa pindaan pada bahagian tertentu dilakukan untuk memperkemaskannya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian surau Al-Amin, Kampung Tanjung, Langgar di sini oleh Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Ketika ditanya sama ada terdapat masalah sehingga menyebabkan bahagian tertentu laporan akhir itu diperkemaskan, Mustapa berkata, "ia cuma hendak memperkemaskannya."

Katanya, beliau akan mengkaji laporan itu sebelum mengemukakannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Tarikh untuk menyerahkannya kepada Dr Mahathir belum dipastikan.

Mengenai sama ada beliau akan menentukan tindakan susulan berhubung masalah Mara itu, Mustapa berkata beliau belum menentukannya kerana tindakan akan dibuat berdasarkan laporan itu dan dirujuk kepada Dr Mahathir.

Berhubung laporan akhbar baru-baru ini bahawa tiga pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat tidak dapat dikesan sehingga kini, beliau berkata, kerajaan akan berusaha mencarinya.

Katanya, ia merupakan masalah terpencil tetapi menasihatkan pelajar Malaysia di luar negara supaya pulang selepas menamatkan pengajiann.

Mereka ialah Mohd Azmi Abu Kassim, iaitu pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam yang menuntut di Universiti Texas sementara dua orang lagi ialah pelajar tajaan Mara iaitu Abdul Kadir Hassan (Universiti California) dan Khalid Deman (Universiti South Western Louisiana).

Najib ketika diminta mengulas mengenai perkara itu berkata, jika mereka hendak bermastautin di negara lain, itu merupakan hak mereka.

"Jika pelajar itu tajaan kerajaan, kita boleh menuntut balik wang pinjaman yang diberikan kepada mereka," katanya. -- BERNAMA

AZ FAZ